



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 11 November 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN

Lotus's Malaysia, KPDN perkasa PMKS melalui KBBM

KUALA LUMPUR - Seiring sokongan berterusan terhadap keusahawanan dan ekonomi negara dengan memberi ruang kepada barangan buatan Malaysia, Lotuss Stores (Malaysia) Sdn Bhd (Lotus's Malaysia) baru-baru ini melancarkan Kempen Beli Barangan Malaysia ke-8 (KBBM) dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) di Lotus's Setia Alam.

Dalam kenyataannya, Lotus's Malaysia berkata, kempen tahunan ini terus berperanan sebagai platform penting bagi usahawan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) Malaysia memperkenalkan dan memasarkan produk keluaran tempatan mereka kepada lebih ramai pengguna di seluruh negara.

Dirasmikan oleh Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Fuziah Salleh, inisiatif itu menampilkan pelbagai aktiviti menarik seperti pameran produk, demonstrasi memasak, sesi merasa dan promosi di dalam stor sekali gus memberi peluang kepada pengguna menerokai serta membeli produk buatan Malaysia daripada PMKS yang mengambil bahagian pada harga berpatutan.

Pengarah Eksekutif Khidmat Korporat Lotus's Malaysia, Azliza Azmel berkata, pihaknya percaya PMKS tempatan merupakan tulang belakang ekonomi negara.



Lotus's Malaysia beri pengiktirafan kepada beberapa pembekal PMKS berprestasi tinggi atas kecemerlangan perkhidmatan dan prestasi jualan sebagai galakan kepada usahawan tempatan.

"Melalui kempen ini, kami ingin secara berterusan menjadi platform yang membantu mereka memperluaskan perniagaan dan memperluaskan pangkalan pelanggan.

"Kerjasama jangka panjang kami bersama KPDN mencerminkan komitmen bersama untuk memacu pertumbuhan ekonomi domestik dan memperkukuh keupayaan ekonomi negara," katanya.

Tambah Azliza, dengan menonjolkan

inovasi dan kualiti barangan tempatan, Lotus's Malaysia berharap dapat menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia menyokong jenama buatan tempatan agar setiap ringgit yang dibelanjakan memberi impak positif kepada perniagaan serta komuniti tempatan.

Menariknya, KBBM 2025 turut menampilkan 19 PKS termasuk 11 usahawan dari Seminar Pemerkasaan PKS Lotus's baru-baru ini.

Lotus's juga mengalu-alukan lima

INFO

Usaha Lotus's Malaysia menaik taraf PKS dan inisiatif pembinaan keupayaan termasuk:

SME Fair yang diadakan dua kali setahun, menawarkan diskaun sehingga 50 peratus untuk produk PMKS terpilih.

Penyertaan aktif dalam sesi kesesuaian perniagaan yang diaturkan oleh pihak KPDN dan agensi-agensi kerajaan yang lain untuk mengenalpasti pembekal PKS yang berpotensi.

Seminar Pemerkasaan PKS, memberi kapasiti menaik taraf bakat yang dapat membuka pintu kepada lebih 400 individu yang tergolong dari 150 syarikat sejak 2024, bersama tujuh PMKS dari sesi terbaharu sedang bersedia untuk menyenaraikan produk mereka di Lotus's

Program bimbingan berterusan untuk pembekal PMKS sedia ada, bagi membantu mereka meningkatkan kebolehpasaran produk, mengembangkan jualan dan memperkukuh kualiti barangan.

usahawan sosial untuk kempen ini sekali gus mempamerkan inisiatif yang mempromosikan pakaian aktif untuk orang kurang upaya (OKU), peluang pekerjaan kepada, pendidikan alam sekitar, inisiatif pemerkasaan makanan dan minuman serta penyelesaian protein yang mampan.

Pembelian melalui aplikasi eCOSS terima pelbagai reaksi

Pengguna sokong usaha bendung ketirisan subsidi, namun berharap pelaksanaannya lebih mudah, mesra rakyat

Oleh Marinda Mardzuki

KUCHING: Pelaksanaan inisiatif pembelian minyak masak peket bersubsidi melalui aplikasi mudah alih Sistem Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (eCOSS) menerima pelbagai reaksi daripada orang ramai.

“Sekarang terlalu banyak aplikasi yang merumitkan. Saranan saya agar kerajaan rangkumkan semua urusan melibatkan subsidi dalam satu aplikasi sahaja.”

Brodie
Kedai raya swasta

Tinjauan Utusan Borneo di beberapa pasar raya di bandar raya ini semalam, mendapati rata-rata pengguna yang ditemui menyokong usaha kerajaan membendung ketirisan subsidi, namun berharap pelaksanaannya lebih mudah dan mesra rakyat.

Pasangan suami isteri yang hanya mahu dikenali sebagai Brodie, 50, dan isterinya Mimi, berkata penggunaan aplikasi eCOSS memang baik, tetapi agak menyulitkan bagi sesetengah pengguna terutama mereka yang tidak biasa menggunakan teknologi.

“Sekarang terlalu banyak aplikasi yang merumitkan. Saranan saya agar kerajaan

rangkumkan semua urusan melibatkan subsidi dalam satu aplikasi sahaja.

“Atau langkah yang lebih mudah, rakyat hanya perlu menggunakan kad pengenalan atau imbas kod QR di kaunter sahaja untuk mendapatkan subsidi tersebut,” kata Brodie yang berkerja sebagai kakitangan swasta.



PERMUDAHKAN: Brodie dan isterinya Mimi ketika ditemui selepas membeli barangan di sebuah pasar raya di bandar raya Kuching.

dan cepat tanpa perlu rakyat belajar guna aplikasi baharu,” katanya.

Bagi pengusaha kek, Berlyn Bernie Ajuk, 37, dari Siburan, aplikasi eCOSS langkah baik kerana dapat mengelakkan warga asing membeli minyak masak bersubsidi.

“Memang betul, aplikasi ini dapat mengelakkan warga asing membeli sebab subsidi itu untuk kita golongan B40.”

“Tetapi bagi orang tua me-

mangada sedikit susah kerana mereka tidak celik IT, seperti ibu saya. Jika boleh, buatlah aplikasi yang memudahkan warga tua untuk membeli,” katanya.

Berlyn memberitahu, dirinya belum menggunakan aplikasi berkenaan walaupun sudah dimuat turun kerana dia belum mengimplemen- tasikan aplikasi berkenaan sepenuhnya.

Seorang lagi pekerja swasta Nur Farhana Fuad, 25, ber-



APLIKASI: Berlyn menunjukkan aplikasi Sistem Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (eCOSS) yang sudah dimuat turun untuk pembelian minyak masak bersubsidi.

kata, sistem eCOSS boleh menjadi lebih efisien jika disertai penerangan dan panduan jelas kepada orang ramai.

“Bagi saya, sistem ini bagus sebab boleh kawal pembelian supaya hanya rakyat tempatan dapat minyak masak bersubsidi.”

“Tapi kerajaan perlu bantu beri tunjuk ajar cara guna aplikasi itu, contohnya melalui kempen atau panduan mudah di pasar raya,” katanya.

Menurut Farhana, pendekatan sebegini bukan



SEBASTIAN



FARHANA

sahaja membantu pengguna memahami fungsi aplikasi, malah mengelakkan kekeliruan semasa pembelian, khususnya bagi mereka yang kurang mahir teknologi.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) kini memperluas penggunaan sistem COSS melalui aplikasi mudah alih Sistem Mobile eCOSS, yang mula dilaksanakan secara berperingkat sejak Mei lalu.

Menterinya Datuk Armi- zan Mohd Ali berkata, aplikasi itu dibangunkan bagi memperkuatkan pemantauan ke atas keseluruhan rantaian bekalan minyak masak bersubsidi bermula dari proses pengedaran sehingga ke peringkat pembelian oleh

pengguna akhir.

Di bawah program COSS, kerajaan menetapkan had siling kuota sebanyak 60,000 tan metrik sebulan, disasarkan kepada rakyat tempatan khususnya golongan B40, pada harga RM2.50 sekilogram.

“Kita harap dengan adanya aplikasi ini, yang sedang dirintis menerusi Program Jualan Rahmah, kerajaan dapat melaksanakan kawalan lebih berkesan, termasuk meng- hadkan pembelian hanya kepada warganegara Ma- laysia melalui padanan data dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN),” katanya ketika mengulung perbincangan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2/2025 di Dewan Rakyat.

Strong support from longhouse folks for mobile Madani Rahmah Sales programme

KAPIT: A mobile Madani Rahmah Sales programme at Rumah Sebuang in Nanga Merama, Baleh here on Sunday received strong support from its residents and those from nearby longhouses.

Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) Kapit officer Hazim Jaafar said the five-hour sales offered daily

essentials at reduced prices of between 10 per cent and 30 per cent than those sold in town.

"Among the items on sale were cooking oil, canned food, onion, garlic, ginger, sugar, chicken, fish, rice, biscuits, flour and cabbage," he said in a statement.

Hazim said KPDN will hold another round of mobile sales

at Rumah Sana Manggung in Nanga Staba this Friday (Nov 14), followed by one at Rumah Pinin Tujang in Nanga Usun on Nov 20, both from 10am to 3pm.

The Madani Rahmah Sales programme offers daily essentials at government-subsidised prices to help ease the cost of living, particularly for low-income households.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



Wadah Pembaharuan
BH
BeritaHarian
Diterbitkan sejak 1957
www.bharian.com.my

Harga ubat, kos rawatan dijangka naik 16 peratus

Antara faktor yang mendorong kadar inflasi perubatan melonjak sehingga 16 peratus tahun depan disebabkan krisis 'brain drain' atau penghijrahan ketara tenaga mahir seperti doktor, jururawat dan pakar perubatan ke luar negara. Laporan analisis MBSB Research mendapati, ini membawa kepada meningkatnya kos pengambilan dan pengekalan bakat kakitangan sehingga hospital swasta terpaksa bersaing dengan tawarkan gaji lebih tinggi dan sebahagian kos dijangka dipindahkan kepada pesakit.

Oleh Mahanum Abdul Aziz dan Hazwan Faisal Mohamad → Nasional 5, Bisnes 22

Peningkatan NCD lonjak permintaan hospital swasta

Rawatan penyakit tidak berjangkit tingkat perolehan kemudahan kesihatan

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

Hospital dan syarikat farmaseutikal di Malaysia kini mengalami ledakan permintaan pasca-pandemik, didorong oleh 'wahak' baharu iaitu Penyakit Tidak Berjangkit (NCD) yang semakin meruncing.

Menurut laporan sektor kesihatan oleh MBSB Research, permintaan global dan tempatan untuk rawatan NCD dan ubat-ubatannya sedang meningkat tinggi.

Ini termasuk rawatan untuk kanser, diabetes dan obesiti. Bagi hospital swasta di Malaysia, penganalisis menjangkakan mereka akan mengekalkan permintaan pesakit yang tinggi.

Tumpuan khusus adalah terhadap perkhidmatan mewah dan khusus seperti onkologi (rawatan kanser), kardiologi (rawatan jantung) dan rawatan kesuburan.

Trend penuaan populasi dan peningkatan kes NCD ini dilihat sebagai pemacu utama yang akan mengekalkan 'kegemilangan' sektor hospital swasta untuk jangka masa panjang.

MBSB Research menamakan IHH Healthcare Bhd (IHH), pemilik rangkaian hospital premium Pantai dan Gleneagles, sebagai



Peningkatan NCD menyebabkan khidmat rawatan di hospital swasta dapat permintaan tinggi. (foto hiasan)

penerima manfaat utama daripada trend ini.

IHH dinamakan sebagai salah satu 'Top Pick' untuk sektor ini. Kekuatan IHH terletak pada jenama premium dan kuasa harga yang dimilikinya.

Cabaran kos serius

Ini membolehkan syarikat itu memenuhi keperluan golongan kelas pertengahan yang semakin meningkat serta menarik pelancong perubatan, sekali gus melindungi daripada tekanan harga margin rendah.

Walaupun permintaan tinggi, sektor ini berdepan cabaran kos yang serius.

MBSB Research memberi amaran

tentang 'brain drain' atau pengaliran tenaga mahir, di mana doktor dan jururawat tempatan berhijrah ke pasaran bergaji lebih tinggi.

Situasi kekurangan bakat ini dijangka meningkatkan kos pengambilan pekerja dan menjadi penyumbang utama kepada inflasi perubatan, yang diramal melonjak sehingga 16 peratus menjelang 2026.

Bagi sektor farmaseutikal, MBSB Research turut memilih Pharmaniga Bhd sebagai 'Top Pick'.

Syarikat itu menunjukkan tanda-tanda pemalihan yang kukuh dan dijangka keluar daripada status PNT.

Kekuatan Pharmaniga ter-

letak pada pendapatan konsesi yang defensif dan stabil daripada kerajaan. Penganalisis juga melihat potensi tinggi penyambungan semula pembayaran dividen menjelang 2026.

Berbeza dengan hospital dan farmasi, sektor surung tangan getah masih bergelut. Laporan itu mengesahkan margin keuntungan kekal nipis akibat lebih bekalan, inflasi kos dan persaingan sengit daripada pengeluar asing.

Secara keseluruhannya, sektor kesihatan swasta kini dipacu oleh keperluan rawatan NCD yang kritikal, namun pengguna mungkin terpaksa berdepan kos yang lebih tinggi akibat inflasi perubatan.

Inflasi perubatan naik 16 peratus tahun depan

Penghijrahan tenaga mahir sektor kesihatan, harga ubat naik antara punca

Oleh Mahanum Abdul Aziz dan Hawan Faisal Mohamad bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Isu penghijrahan tenaga mahir sektor kesihatan atau brain drain yang kritikal membabitkan khidmat doktor dan jururawat digabungkan dengan kenaikan harga ubat-ubatan, dikenal pasti punca utama memacu inflasi perubatan di negara ini.

Laporan Sektor Bulanan oleh MBSR Research, mendedahkan situasi tersebut akan melonjakkan kadar inflasi perubatan di negara ini sehingga 16 peratus menjelang tahun depan.

Dalam laporannya, bahagian penyelidikan MBSR Investment Bank Berhad itu memperkirakan bahawa Malaysia kini berdepan cabaran brain drain yang signifikan, berikutan penghijrahan doktor, jururawat dan pakar tempatan ke pasaran luar negara yang menawarkan gaji lebih tinggi.

"Situasi kekurangan tenaga ini secara langsung akan mening-

katkan kos pengambilan dan pengkalan bakat dalam sektor kesihatan swasta.

"Cabaran ini selari dengan trend global, di mana kos buruh yang tinggi sering melebihi 50 peratus daripada jumlah kos operasi hospital," katanya.

Bagi mengukuhkan penghijrahan itu, pengendali hospital swasta terpaksa menawarkan ganjaran yang lebih tinggi atau setara bagi mengkalakan tenaga pakar terbahit bersama mereka yang sebelum ini keluar daripada sektor awam.

Pada September lalu, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Zulkifly Ahmad, memaklumkan kepada Parlimen, bahawa seramai 448 tenaga kerja profesional Kementerian Kesihatan (KKM) berhijrah ke luar negara dalam tempoh 2020 hingga 2024, membabitkan lima pakar perubatan, 54 pegawai perubatan dan 381 jururawat.

Selain isu tenaga kerja, MBSR Research mengenal pasti cabaran kedua yang menyumbang kepada inflasi perubatan iaitu peningkatan harga ubat-ubatan khas atau specialty drugs.

"Ubat-ubatan ini kebanyakannya bernilai tinggi dan digunakan untuk merawat penyakit tidak berjangkit (NCD). Contoh yang disebut termasuk ubat popular (GLP) yang digunakan untuk rawatan diabetes dan obesiti serta ubat-ubatan biologi yang lain.

"Tekanan kos ini diburukkan lagi oleh harga Bahan Aktif Farmaseutikal (API) yang tinggi. Keadaan ini memberi kesan negatif kepada pengeluar farmaseutikal tempatan, yang mungkin terpaksa menyerap kos input lebih tinggi dan berisiko mengalami penyusutan margin.

"Faktor lain yang turut menyumbang kepada peningkatan kos operasi hospital ialah keperluan integrasi teknologi baharu," katanya.

Laporan bahagian itu turut memberi amaran risiko peningkatan kos operasi terhadap syarikat penyedia perubatan swasta seperti IHH Healthcare Bhd di sebalikan integrasi teknologi, selain daripada isu kekurangan buruh.

Sebelum ini, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, dilaporkan berkata kerajaan akan melaksanakan pembaharuan struktur untuk menangani isu inflasi kos perubatan dan meningkatkan ketahanan dalam sistem pertembungan kesihatan.

Beliau berkata, ia termasuk memperkenalkan produk asas perlindungan kesihatan dengan milik Insurans Takaful Perubatan dan Kesihatan (MHIT) menjelang akhir tahun depan.

"Ini memberi ruang untuk kita sangat hyung tahun depan untuk memperkenalkan produk MHIT asas, yang akan melebarkan penawaran yang ada dalam

pasaran dan menjamin ada produk asas yang lebih baik di dalam pasaran," katanya ketika mengulas perbincangan Rang Undang-Undang Pertubuhan (Belanjawan) 2025 pada peringkat dasar di Dewan Rakyat baru-baru ini.

Janjungan temai jalan buntu

Sementara itu, dalam nota penyelidikan berasingan, RHB Research memaklumkan, rundingan kos di antara syarikat insurans dan pakar kesihatan swasta masih menemui jalan buntu, sekali gus mewujudkan risiko inflasi kos baharu kepada pengendali hospital.

Keadaan ini, menurut bahagian penyelidikan RHB Investment Bank Berhad tersebut, akan menambah tahap kecumutan kepada hubungan di antara pihak hospital dan pembayar insurans.

"Walaupun pihak hospital sudah menawarkan sebahagian tekanan harga, isu rundingan dengan pakar kesihatan yang buntu boleh menjejaskan kewangan hospital swasta," katanya.

RHB Research berkata, secara amnya, proses rundingan dengan syarikat insurans dibuat dari

dua sudut iaitu di antara pihak hospital dengan syarikat insurans dan di antara syarikat insurans dengan perunding pakar.

"Perbincangan dengan pihak hospital menunjukkan kemajuan apabila penawaran diskaun telah diperluas kepada syarikat insurans. Bagaimanapun, rundingan dengan pakar kesihatan masih lagi menemui jalan buntu dan mungkin menjadi lebih rumit disebabkan oleh jumlah pengamal perubatan yang tertohot pada ramai.

"Berbeza dengan pakar hospital secara tetap, doktor pakar bergerak bebas dan membuat keputusan berdasarkan budi bicara sendiri berhubung peregunan ubat-ubatan, bekalan perubatan, implan dan prosedur, bahkan sekecil sahaja rawatan perubatan yang perlu dijalankan mungkin tidak termasuk dalam bina per-jenjian yang dipersetujui di antara hospital dengan syarikat insurans.

"Walaupun sesetengah hospital mungkin mengkalakan doktor pakar mengikut garis panduan yang disediakan, penatuaan tidak dapat dijamin," katanya.





KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 11 NOVEMBER 2025

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
11-Nov	Shopee lancar jelajah komuniti rai lokal perkasa PMKS	https:// www.sinarharian.com.my/ article/756039/berita/nasional/ shopee-lancar-jelajah-komuniti- rai-lokal-perkasa-pmks	SINAR HARIAN
11-Nov	Shopee Launches Shopee Rai Lokal Jelajah Komuniti to Empower MSMEs Across Malaysia Through E-Commerce	https://www.media- outreach.com/news/ malaysia/2025/11/10/425784/ shopee-launches-shopee-rai- lokal-jelajah-komuniti-to- empower-msmes-across- malaysia-through-e-commerce/	OUTREACH
11-Nov	Lotus's and MDT COL Renew Collaboration to Support Malaysian SMEs with 8th Buy Malaysian Products Campaign	https:// www.malaysianupdates.com/ lotuss-and-mdt-col-renew- collaboration-to-support- malaysian-smes-with-8th-buy- malaysian-products-campaign/	MALAYSIAN UPDATE
11-Nov	KPDN Kelantan dedah upah RM100 sekali trip antara punca penyeludupan petrol ke Thailand masih berleluasa	https://www.mediatelus.com// detail/12381	MEDIA TELUS
11-Nov	Luahan pembaca: 'Kami mahu harga sebenar, bukan harga asas'	https:// www.kosmo.com.my/2025/11/1 0/kami-mahu-harga-sebenar-	KOSMO
11-Nov	Bataras dan CKS Sabah Sertai Inisiatif Digitalisasi Data Harga Barangan Melalui Aplikasi PriceCatcher	https://sabahnews.com.my/ bataras-dan-cks-sabah-sertai- inisiatif-digitalisasi-data-harga- barangan-melalui-aplikasi- pricecatcher/	SABAH NEWS
11-Nov	内贸部扩大与零售业合作 沙2超市参与PriceCatcher	https://sabah.sinchew.com.my/ news/20251110/sabah/7015443	SIN CHEW

11-Nov	Karnival TikTok Shop 11.11 Jualan Mega rai usahawan digital	https://www.astroawani.com/ berita-bisnes/karnival-tiktok- shop-1111-jualan-mega-rai- usahawan-digital-546987	ASTRO AWANI
11-Nov	Morib, Sementa antara tujuh lokasi Jualan Ehsan Rah- mah esok	https://newswav.com/article/ morib-sementa-antara-tujuh- lokasi-jualan-ehsan-rahmah-esok -A2511_IRJhFR	NEWSWAV